



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

GANGGUAN SEKSUAL BERI KESAN BURUK BERPANJANGAN, KPWKM TINGKAT KEMPEN ADVOKASI GANGGUAN SEKSUAL

MELAKA, 14 OGOS – Gangguan seksual merupakan fenomena global yang semakin membarah dan dihadapi oleh masyarakat di seluruh dunia termasuk Malaysia. Gangguan seksual ini merupakan kelakuan bersifat seksual sama ada secara fizikal, lisan, visual atau isyarat oleh pelaku ke atas mangsa. Kelakuan ini memberi impak negatif kepada kesihatan mental, fizikal, psikososial mangsa dan sekali gus mencemar kesejahteraan masyarakat.

Isu gangguan seksual perlu diberi perhatian serius kerana mendorong kepada perlakuan jenayah seksual yang lebih berat seperti serangan atau keganasan seksual termasuk ugutan dan rogol. Mangsa gangguan seksual perlu dibela serta dibantu untuk mendapat pengadilan dan perlindungan.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan terdapat 477 kes gangguan seksual dilaporkan pada tahun 2022, dengan 21 kes daripadanya dilaporkan di negeri Melaka. Statistik turut menunjukkan 90 peratus daripada kes gangguan seksual melibatkan mangsa dalam kalangan kaum wanita dan yang selebihnya melibatkan kanak-kanak. Sebanyak 35 kes dicatatkan secara keseluruhan dengan dua (2) kes di Negeri Melaka pada tahun 2022. Walaupun jumlah kes ini dilihat kecil tapi kesannya tidak boleh diambil enteng. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa setiap individu tanpa mengira peringkat umur, bangsa dan jantina terdedah kepada risiko gangguan seksual.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil langkah signifikan menerusi penggubalan Akta Antigangguan Seksual 2022 [*Akta 840*], sebagai suatu Akta khusus untuk membendung kesalahan gangguan seksual agar tidak terus dinormalisasikan dalam kehidupan masyarakat. Akta Antigangguan Seksual 2022 [*Akta 840*] ini telah digubal sebagai satu

manifestasi penting Kerajaan bahawa kesalahan gangguan seksual merupakan satu pelanggaran kepada hak asasi manusia dan wajib dihentikan.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah menyempurnakan perasmian Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual yang berlangsung di *Melaka International Trade Centre* (MITC). Program ini merupakan kesinambungan kepada Majlis Perasmian Program Advokasi Antigangguan Seksual yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri pada 29 Mei 2023 yang lalu. Negeri Melaka merupakan negeri yang kelima (5) bagi pelaksanaan Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual selepas Pulau Pinang, Sarawak, Selangor dan juga Negeri Sembilan.

Antara pengisian program pada kali ini ialah Program Berjalan Bersama: Katakan Tidak Kepada Gangguan Seksual, Taklimat Advokasi Antigangguan Seksual oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Pengendalian Kes Kesalahan Seksual Terhadap Wanita dan Kanak-Kanak oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Peranan Keluarga Dalam Membendung Gangguan Seksual oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Pendekatan Kaunseling dalam Pengurusan Kes Gangguan Seksual oleh Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) dan pameran daripada agensi-agensi serta jualan produk yang diusahakan oleh kumpulan sasar KPWKM.

Turut hadir dalam program ini YB Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, YB Datuk Wira Zaidi bin Johari, Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, YB Datuk Hajah Kalsom binti Noordin, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti Negeri Melaka dan YB Alex Seah Shoo Chin, Exco Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Melaka serta Pegawai-pegawai Kementerian, Jabatan, Agensi dan Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Negeri.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
14 OGOS 2023**